

Malam Mesra Bersama Media

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Julai 2010 16:42

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

25 JULAI 2010 / 13 SYAABAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Malam Mesra Bersama Media

Oleh: Nor Adila Ab Kadir dan Syairah Saadun

Gambar: Hairul Nizam Zahari



MESRA... Sekitar Majlis Makan Malam Mesra Bersama Media yang berlangsung di Restoran Berputar Seri Angkasa Menara Telekom.

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak telah mengadakan pertemuan mesra bersama media seluruh Kedah, baru-baru ini.

Majlis Makan Malam Mesra Bersama Media yang berlangsung di Restoran Berputar Seri Angkasa Menara Telekom tersebut diharap dapat mengeratkan lagi jalinan silaturahim di antara media dan UUM.

Mustafa berkata peranan media tidak boleh dipandang rendah kerana sokongan media massa yang berterusan dapat menyerlahkan UUM ke persada tanah air dan antarabangsa.

"UUM akan terus memantapkan hubungan dengan pihak media massa melalui perancangan aktiviti dan penyediaan maklumat yang lebih komprehensif bagi mengetengahkan segala program akademik yang terdapat di dalam Universiti ini.

"Saya berharap jalinan mesra antara UUM dan media akan berterusan dan sentiasa dipenuhi liputan-liputan segar yang dapat memberi manfaat kepada pembangunan negara dan masyarakat," tambahnya lagi.